

Malaysia sokong laksana usaha pulihara harimau

Cadang guna
pakai Kenyataan
Bersama
Kuala Lumpur

Oleh Muhammad
Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia bercadang mengguna pakai Kenyataan Bersama Kuala Lumpur mengenai Pemuliharaan Harimau bagi memulih dan meningkatkan populasi hidupan liar itu ke dalam habitat yang berpotensi di Asia Tenggara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, kenyataan bersama 13 perkara itu akan menyokong pelaksanaan usaha Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Asia Tenggara (STRAP) berdasarkan keutamaan yang dipersetujui.

Katanya, langkah mengguna pakai Kenyataan Bersama Kuala Lumpur, STRAP dan Strategi Mobilisasi Sumber akan menyedai negara-negara yang mempunyai harimau berkeliaran be-

bas untuk menetapkan sasaran tindakan yang realistik dalam usaha mencapai matlamat pemuliharaan.

Berucap demikian ketika merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Asia Ke-4 (AMC4) Mengenai Pemuliharaan Harimau yang diadakan secara maya semalam, beliau meminta negara yang mempunyai harimau berkeliaran bebas dan rakan kongsi untuk bekerjasama dalam semangat 'Keluarga Dunia' bagi menyelamatkan spesies haiwan berkenaan.

Pada persidangan turut disertai Menteri Agrikultur dan Hutan Bhutan merangkap Pengerusi Forum Harimau Global, Lyonpo Yeshey Penjor serta Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Perdana Menteri menegaskan, kepupusan harimau tidak mengenal sempadan geografi, budaya mahupun politik.

Sementara itu, beliau berkata, penilaian Mobilisasi Sumber Kewangan perlu dibincangkan lebih lanjut oleh negara-negara anggota kerana ia akan merangkumi rancangan pembiayaan untuk pemuliharaan harimau yang mungkin digunakan oleh negara Asia Tenggara apabila melaksa-

nakan usaha pemuliharaan harimau.

Ismail Sabri berkata, dalam banyak budaya di Asia, harimau menjadi simbol keberanian dan kuasa, namun perbuatan manusia seperti pemburuan dan perdagangan haram hidupan liar serta penggunaan tanah, antara lain menyebabkan populasi haiwan itu susut kepada tidak lebih 4,000 ekor di seluruh dunia.

Katanya, jumlah berkenaan termasuk populasi Harimau Malaya, simbol kekuatan dan daya tahan Malaysia yang juga menjadi haiwan rasmi dalam Jata Negara.

"Berdasarkan Tinjauan Harimau Kebangsaan yang pertama dari tempoh 2016 hingga 2020, kurang 150 Harimau Malaya ada di Malaysia. Pakar menjangkakan haiwan ini akan pupus dalam tempoh lima hingga 10 tahun jika tindakan strategik tidak diambil dengan segera.

"Sebab itu, Harimau Malaya diberikan perlindungan utama dalam perundangan kami, hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan Apendiks 1 Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesis Terancam 2008.

"Peruntukan dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 diperkukuh dan diluluskan Dewan Rakyat pada Disember lalu. Kabinet Malaysia juga bersetuju dengan sembilan tindakan luar biasa bagi pemuliharaan Harimau Malaya 2021-2030, pada 16 Jun lalu," katanya.

Perdana Menteri mengulangi ikrar Malaysia untuk melindungi harimau dan habitatnya yang dibuat dalam Deklarasi Saint Petersburg 2010 dan menegaskan, Malaysia akan terus memperkukuh usaha pemuliharaan harimau dan menyokong pelbagai inisiatif global, termasuk disyorkan AMC4.

"Saya juga memuji sumbangan besar rakan kongsi untuk pelaksanaan Pelan Tindakan Harimau Kebangsaan dan Program Pemuliharaan Harimau Global (GTRP)," katanya menambah, antara kejayaan inisiatif pemuliharaan harimau di Malaysia, termasuk Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang memenangi anugerah serta Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3).

Menerusi dua program berkenaan, katanya, seramai 167 penjenayah hidupan liar ditahan kerana aktiviti penyeludupan bernilai RM36 juta.